

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG TACK [BENTONG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani impak perubahan iklim.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang berhormat, antara langkah pendekatan utama yang akan dilakukan oleh Kementerian untuk menangani impak perubahan iklim seperti yang digariskan oleh YAB Perdana Menteri semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Perubahan Iklim Bil. 1/2021 yang diadakan pada 13 April 2021 ialah:

- a. Mengukuhkan tadbir urus negara terhadap perubahan iklim melalui penglibatan semua pihak berkepentingan;
- b. Melaksanakan pelbagai program untuk mendorong agenda perubahan iklim dengan menggerakkan sumber tenaga manusia dan peruntukan kewangan;
- c. Memperkenalkan mekanisme pasaran karbon;
- d. Menjalin kerjasama dengan semua pihak berkepentingan supaya Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dapat memenuhi komitmen negara di bawah *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC); dan
- e. Memupuk gaya hidup hijau dalam semua lapisan masyarakat melalui konsep kesihatan planet (*planetary health*) ke arah pembangunan lestari yang holistik.

2. Seterusnya, di dalam mesyuarat mesyuarat MyCAC Bil. 2/2021 yang diadakan pada 11 Oktober 2021, antara intipati dan keputusan di dalam usaha meningkatkan menangani perubahan iklim adalah:

- a. Pengemaskinian *Nationally Determined Contributions* (NDC) yang lebih dalam memperkukuh '*ambitious*' kepada UNFCCC. Malaysia berhasrat untuk **mengurangkan intensiti pelepasan GHG merentas ekonomi sebanyak 45 peratus (berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar) pada tahun 2030 berbanding tahapnya pada tahun 2005**. Pengurangan

NO. SOALAN : 41

intensiti tersebut dibuat tanpa syarat (*unconditional*) dan 10 peratus lebih tinggi daripada sasaran sebelum ini;

- b. Aspirasi negara untuk **mencapai pelepasan GHG bersih sifar (*net-zero GHG emissions*) seawal-awalnya pada tahun 2050**. Pencapaian sasaran ini adalah tertakluk kepada hasil kajian strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategy* (LT-LEDS)) yang akan dimuktamadkan pada akhir tahun 2022 oleh KASA.
- c. Pelaksanaan **Skim Perdagangan Karbon Domestik** oleh KASA dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Bursa Malaysia Berhad. Ini akan melibatkan pembangunan platform tunggal bagi transaksi kredit karbon di peringkat domestik. Platform ini berpotensi menarik pelaburan rendah karbon ke dalam negara, meningkatkan daya saing produk keluaran Malaysia di peringkat antarabangsa dan menjana sumber kewangan mampan kepada entiti dalam negara.
- d. Meningkatkan penjanaan tenaga boleh baharu, **sasaran perolehan 100% kenderaan Kerajaan yang bukan berasaskan enjin pembakaran dalaman (*non-internal combustion engine* (ICE)) pada 2030**, mengekalkan sekurang-kurangnya 50% litupan hutan negara, menggalakan 'zero waste' dan kitar semula serta pembangunan bandar rendah karbon melalui Pelan Induk Bandar Rendah Karbon.
- e. **mengambil kira faktor perubahan iklim dalam rekabentuk kejuruteraan sistem infrastruktur** berkaitan air bagi memastikan pengurusan air secara lestari;
- f. Menggalakkan lebih banyak **pihak swasta menjadikan aspirasi pelepasan GHG bersih sifar** dalam agenda kelestarian operasi syarikat.

- g. memperkukuhkan tadbir urus perubahan iklim negara, antaranya melalui **penubuhan Pusat GHG Kebangsaan di bawah KASA.**

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Komunikasi Kebangsaan yang Ketiga (NC3), negara mengalami tiga impak utama akibat daripada kesan perubahan iklim iaitu kejadian banjir yang lebih ekstrem, kemarau panjang dan kenaikan aras laut. Bagi mengurangkan impak perubahan iklim selain mengekalkan kelestarian pembangunan sosioekonomi negara, Kerajaan telah dan akan melaksanakan pelbagai langkah mitigasi dan adaptasi secara menyeluruh dan bersepadu.

4. Kerajaan sentiasa proaktif dan mengambil pendekatan berperingkat atau '*stepwise approach*' dalam menangani impak perubahan iklim. Ke arah itu, kerajaan sedang dalam proses membangunkan Pelan Tindakan Adaptasi Kebangsaan (NAP). NAP dijangka disiapkan pada tahun 2025 dan akan mengandungi perancangan tindakan adaptasi secara menyeluruh merangkumi lima (5) sektor utama iaitu:

- a. Keselamatan air dan sumber air (*Water security and water resources*);
- b. Pertanian dan keselamatan makanan (*Agriculture and food security*);
- c. Infrastruktur, tenaga dan persekitaran terbina (termasuk bandaraya) (*Infrastructure, energy and built environment (include cities)*);
- d. Perhutanan dan Biodiversiti (*Forestry and biodiversity*); dan
- e. Kesihatan awam (*Public health*).

NO. SOALAN : 41

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KASA melalui NAHRIM juga telah menyediakan panduan pelaksanaan adaptasi perubahan iklim melalui penerbitan *Climate Change Adaptation Framework for Water Sector* atau Kerangka Adaptasi Kebangsaan (NAF) yang akan memantapkan pelaksanaan adaptasi perubahan iklim di Malaysia. Penggunaan teknologi *Machine Learning* (ML), *Artificial Intelligence* (AI) dan *Big Data Analytic* (BDA) akan terus dipertingkatkan dalam pengurusan banjir dan kemarau.

6. NAHRIM dengan kerjasama MAMPU (Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia) juga telah memperkenalkan platform ICT pertama di negara ini berasaskan BDA iaitu *NAHRIM Hydroclimate Data Analytic Accelerator* (NHyDAA) pada 2018 yang membolehkan unjuran *uncover pattern* hujan di masa hadapan. Berasaskan pengalaman ini, projek kedua BDA iaitu *Malaysian Adaptation Index* (MAIN) yang berupaya memaklumkan tahap ketersediaan adaptasi setiap negeri di Malaysia bagi menghadapi kesan perubahan iklim dijangka diperkenalkan dalam tahun ini.

Sekian, terima kasih.